

Dr. Mahathir tidak mahu jadi PM 'itik tempang'

KUALA LUMPUR 2 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad didakwa tidak mahu menjadi Perdana Menteri 'itik tempang' yang gagal mengambil langkah yang tegas dan berani bagi mengubah landskap ekonomi negara.

Penganalisis politik di Universiti Utara Malaysia (UUM) Kampus Kuala Lumpur, Prof. Datuk Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak (**gambar**) berpendapat, atas sebab itulah tempoh Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri ibarat suatu misteri atau teka-teki yang masih belum dapat dirungkai.

Kata beliau, lebih baik Dr. Mahathir tidak diganggu atau terus ditekan oleh mana-mana pihak bagi mendesak beliau menyebut secara tepat tarikh untuk berundur.

"Keadaan negara khususnya ekonomi dan isu-isu kesejah-

teraan hidup rakyat masih belum berjaya diurus sepenuhnya dengan memuaskan sejak Pakatan Harapan (PH) mengambil alih kuasa lebih setahun yang lalu.

"Keadaan politik dalam negara pun, malah dalam PH sendiri masih dibelenggu bermacam-macam isu dan masalah," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Dalam perkembangan sama, Mohamed Mustafa berkata, tanpa Dr. Mahathir sebagai ketua kerajaan, keyakinan pelabur dan masyarakat umumnya terhadap kestabilan ekonomi serta politik negara mungkin akan menjadi bertambah meruncing.

Kata beliau, bahkan kedudukan PH sebagai kerajaan juga mung-



kin boleh tergugat, jadi tentunya tidak bijak bagi mana-mana pihak terus mendesak supaya Dr. Mahathir berundur segera.

Semalam, Dr. Mahathir berkata, beliau akan berundur apabila mendapati keadaan dalam negara sudah licin dan lancar serta sudah boleh maju dari situ.

"Ia mungkin mengambil masa dua tahun, mungkin tiga tahun, saya tidak tahu, tetapi kita sedang mengusahakannya," kata beliau apabila ditanya mengenai kenyataan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bahawa Dr. Mahathir perlu berkhidmat sebagai Perdana Menteri sehingga habis penggal.